

**KEUPAYAAN GURU-GURU BAHASA MELAYU SEKOLAH BESTARI
DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR MENGGUNAKAN
INTERNET UNTUK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Oleh

MOHD. ZAKI BIN AWANG MAT

Kertas Projek ini dikemukakan sebagai sebahagian syarat
bagi mendapatkan ijazah Master Sains
Di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat
bagi mendapatkan Ijazah Master Sains.

**KEUPAYAAN GURU-GURU BAHASA MELAYU SEKOLAH BESTARI
DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR MENGGUNAKAN
INTERNET UNTUK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Oleh:

MOHD. ZAKI BIN AWANG MAT
2001

Penyelia : Prof. Dr. Kamariah bt. Abu Bakar
Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap keupayaan guru-guru Bahasa Melayu Sekolah Bestari di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menggunakan Internet untuk pengajaran dan pembelajaran. Tahap keupayaan guru-guru berkenaan dinilai berdasarkan keupayaan mereka menggunakan 7 kemudahan Internet, mengajar 10 jenis pelajaran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan menggunakan 7 kaedah pengajaran dan pembelajaran menggunakan Internet. Selain itu, masalah-masalah yang menjejaskan keupayaan mereka menggunakan Internet turut dikaji. Sampel kajian terdiri daripada 46 orang guru Bahasa Melayu Sekolah-Sekolah Bestari di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian ini.

Berdasarkan skala 1 – 4, yang mana 4 ialah tahap keupayaan guru yang Cemerlang dan 1 Sangat Lemah, dapatan kajian menunjukkan tiada satu pun kemudahan Internet yang berada pada tahap keupayaan yang Cemerlang dan Sederhana. Keupayaan guru dalam empat kemudahan Internet hanya menunjukkan

tahap Lemah, iaitu WWW (skor min 2.7), Enjin Pencari Maklumat (2.7), **E-mel** (2.4) dan Ruang Perbincangan Kumpulan **Berita** (skor min 2.2) manakala tiga kemudahan Internet lagi **pada** tahap **Sangat** Lemah, iaitu dengan skor min hanya 1.8. **Tiga** kemudahan itu ialah **Telnet dan** Gophers, Komunikasi **Interaktif Masa** Sebenar dan Membina **Laman** Web. Skor min keseluruhan bagi keupayaan menggunakan kemudahan Internet ialah 2.2.

Keupayaan guru-guru berkenaan juga pada tahap **Sangat** Lemah apabila dilihat daripada **kadar** kekerapan **menggunakan** Internet untuk mengajar 10 jenis pelajaran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang **dikaji** kecuali pelajaran Karangan dan pelajaran Tatabahasa (Membina ayat). Skor min untuk keseluruhan 10 jenis pelajaran itu hanya 1.8.

Kajian terhadap keupayaan guru menggunakan Internet untuk 7 kaedah pengajaran **dan** pembelajaran Bahasa Melayu mendapati mereka berada di tahap **Sangat Lemah**, iaitu skor min 1.9 **sahaja**. Walaupun **begitu**, kaedah yang menjadikan Internet sebagai Sumber **Rujukan** (skor min 2.3), **Pengayaan** (skor min 2.1) dan Latih Tubi (skor **min** 2.0) **menunjukkan** tahap kekerapan yang lebih baik berbanding Pengujian, Tutorial, Simulasi dan Kaedah Penyelesaian Masalah.

Kajian **turut** mendapati guru-guru Bahasa Melayu **Sekolah Bestari** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga **terdedah** kepada pelbagai masalah yang berpunca daripada diri sendiri, **pelajar** dan masalah **teknikal**. Semua masalah itu didapati **telah** **menjejaskan** keupayaan mereka menggunakan Internet dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Dengan itu, kajian ini merumuskan bahawa tahap keupayaan guru-guru Bahasa Melayu Sekolah Bestari di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menggunakan Internet untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berada pada tahap Lemah. Mereka memerlukan kursus pemerolehan kemahiran yang intensif dan komprehensif untuk mempertingkatkan keupayaan menggunakan Internet secara lebih berkesan dan menyeluruh dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.